

Sembilan lelaki dituduh rogol pelajar

Kosmo 13/03/2010 M/S6

Oleh AHMAD SYAKIR SAZILI

ahmadsyakir.sazili@kosmo.com.my

TELUK INTAN - Seorang remaja berusia 15 tahun dan dua lelaki bersaudara antara sembilan individu yang dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini semalam atas tuduhan merogol seorang pelajar tingkatan tiga di Sungkai pada 28 Februari dan 1 Mac lalu.

Kesemua tertuduh dari Felda Trojak dan Felda Sungai Klah itu bagaimanapun mengaku tidak bersalah apabila pertuduhan dibacakan oleh jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Faiz Dzaiyuddin.

Mengikut kertas pertuduhan, Mohd. Shafiq Abu Samah, 23, dan Saiful Azimi Mhd. Razak, 29, bersama seorang remaja berusia 15 tahun dituduh

merogol mangsa di Bilik Klah 6, Spa Keluarga, Felda Residence Hot Spring Sungai Klah di antara pukul 6.10 hingga 8 malam pada 28 Februari lalu.

Saiful Azimi turut menghadapi pertuduhan tambahan iaitu merogol mangsa di sebuah rumah bernombor D6, Jalan Melor, Felda Sungai Klah di antara pukul 12 tengah hari hingga 6 petang pada 1 Mac.

Enam lagi tertuduh, Mohamed Shafeq Mohamad Shahimi, 20, Mohd. Rosli Mustapa, 26, Mohd. Athira Mohd. Hanapi, 19, Ahmad Nor Sofiaan Alias, 23, Mohd. Shahabudin Hashim, 23, dan adiknya, Syahrul Hisyam, 21, dituduh melakukan perbuatan tersebut di lokasi sama di antara pukul 1 pagi hingga 5 pagi hari yang sama.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Mohd. Sofian Jaafar manakala kesemua tertuduh diwakili peguam Terrence Naidu.

Faiz menetapkan ikat jamin sebanyak RM3,500 hingga RM7,000 kepada setiap seorang dengan seorang penjamin bagi setiap pertuduhan.

Pertuduhan dibacakan di bawah Seksyen 376 (2) Kanun Keseksan kerana merogol dan sabit kesalahan kesemua tertuduh boleh dipenjarakan sehingga 20 tahun dan sebatan.

Faiz menetapkan 21 Jun depan sebagai tarikh perbicaraan dan sehingga petang semalam, kesemua tertuduh telah dibebaskan selepas membayar wang jaminan masing-masing.



EMPAT daripada sembilan lelaki yang didakwa merogol seorang pelajar dibawa ke Mahkamah Sesyen Teluk Intan semalam.